

## **Tahap Amalan Kerjasama Guru Pendidikan Islam (GPI) Melalui Syura dalam Pengurusan Pendidikan Dakwah di Sekolah**

**Noor Azimah Surip\*, Khadijah Abdul Razak & Ab. Halim Tamuri**

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

*noorazimah1979@gmail.com\**

### **ABSTRACT**

This article aims to clarify the level of collaborative practice through the implementation of syura based of Islamic Education Teachers' Teachers (GPI) perceptions in Peninsular Malaysia. A total of 450 respondents involved in this study were selected through stratified random representing 4 states covering Kedah (north zone), Selangor (central zone), Kelantan (east zone) and Johor (south zone). Previous studies tend to associate the attitude of cooperation through syura only in terms of management in general and less discussed in the aspect of education. Hence, this study discusses the level of cooperation between Islamic education teachers and the practice of syura in the management of da'wah education in schools. This study was conducted using quantitative methods through questionnaire construction. Descriptive analysis of frequency, percentage and mean used to report the findings. The results of the study show the level of GPI cooperation practice through the implementation of syura at a very high level (min = 4.39). The implication of this study is that GPI should embrace the practice of collaborative through shura as it has been organized in Islam so that any management related to da'wah can be implemented can achieve such goals as expected

Keywords: collaborative, syura, management, dakwah education

### **ABSTRAK**

Penulisan artikel ini bertujuan untuk menjelaskan tahap amalan kerjasama menerusi pelaksanaan syura berdasarkan persepsi Guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah-sekolah rendah di Semenanjung Malaysia. Sejumlah 450 responden terlibat dalam kajian ini telah dipilih menerusi secara rawak berstrata yang mewakili 4 negeri meliputi negeri Kedah (zon utara), Selangor (zon tengah), Kelantan (zon timur) dan Johor (zon selatan). Kajian-kajian terdahulu cenderung mengaitkan sikap kerjasama melalui syura hanya dalam aspek pengurusan secara umum dan kurang dibincangkan dalam aspek pendidikan. Justeru, kajian ini membincangkan tentang tahap amalan kerjasama guru pendidikan Islam melalui amalan syura dalam pengurusan pendidikan dakwah di sekolah-sekolah. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui pembinaan instrumen soal selidik. Analisis deskriptif kekerapan, peratusan dan min digunakan untuk melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan kerjasama GPI menerusi pelaksanaan syura pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai (min=4.39). Implikasi kepada kajian ini memerlukan GPI supaya membudayakan amalan kerjasama melalui syura seperti mana yang telah dianjurkan dalam Islam agar segala pengurusan berkaitan dakwah dapat dilaksanakan dapat mencapai matlamat seperti mana yang diharapkan.

Kata kunci: Kerjasama, syura, pengurusan, pendidikan dakwah.

### **PENGENALAN**

Amalan kerjasama melalui syura amat ditekankan dan menjadi tuntutan bagi tujuan mengelakkan sesuatu perkara yang telah diputuskan agar tidak menjadi ragu-ragu untuk dilaksanakan (al-Raisuni 2017). Syura merupakan perkara yang perlu melibatkan orang lain termasuklah aktiviti yang berkaitan pengurusan. Dalam konteks pendidikan dakwah di sekolah, setiap GPI perlu terlibat

secara langsung dan mempunyai kepentingan bekerjasama dalam setiap pengurusan aktiviti dakwah yang dirancang melalui syura bagi memastikan segalanya apat dijalankan dengan harmoni, lancar dan berjaya. Selari dengan prinsip tauhid, kerjasama yang disarankan hanyalah terarah kepada keupayaan meningkatkan lagi kebaikan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Pernyataan ini secara jelas telah disebut dalam al-Quran melalui surah a-Maidah 5:2 yang bermaksud:

*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat seksa-Nya (bagi sesiapa melanggar perintahnya)*

*(Tafsir Muhammad Abdullah Basmeih 2006)*

Melalui ayat tersebut, Hamka (2017) telah menafsirkan bahawa setiap manusia telah diperintahkan supaya hidup saling tolong-menolong dalam membina segala perkara yang berfaedah dan membawa kebaikan. Setiap yang perkara yang dilakukan itu pula haruslah disandarkan kepada tujuan ketaqwaan bagi mempererat lagi hubungan dengan Allah SWT. Sebaliknya, pertolongan berkaitan perkara maksiat adalah ditegah kerana kesannya hanya akan menimbulkan permusuhan, menyakiti orang lain dan hanya bersifat merugikan.

Secara istilahnya, kerjasama merupakan aktiviti saling membantu antara individu dalam sesebuah kelompok atau kumpulan yang lebih dari seorang (Nurazmallail, Ahmad Kilani, Normala & Ruzana 2004). Islam amat menyarankan agar sikap kerjasama ini dibudayakan dalam kalangan ahli sekiranya berhadapan dengan sesuatu masalah. Selain dapat membantu meningkatkan mutu kerja, sikap kerjasama juga merupakan salah satu ciri akhlak terpuji yang wajar diikuti (Mustakim, Siti Arni Lukhman, Musaiyadah & Norhasniah 2015). Selain itu, nilai murni yang terhasil melalui amalan syura ini adalah selari dengan etika kerja Islam yang menyarankan kepentingan kerjasama terhadap hubungannya dengan pemuwafakatan dan perlu dipupuk ketika berhadapan dengan sesuatu kesulitan (Mustakim et al. 2015).

Sementara itu, dalam konteks pengurusan, al-Buraey (1985), telah mentakrifkan syura secara ringkas sebagai satu proses pengurusan atau alat untuk mencapai sesuatu keputusan secara kolektif. Secara umumnya, dalam kajian ini, syura boleh difahami sebagai proses interaksi dan perbincangan dengan tujuan bertukar buah fikiran dan pandangan termasuklah mengemukakan saranan dalam usaha menyelesaikan masalah sebelum membuat sesuatu keputusan (Ahmad Bashir 2015; Tahir Azhary 1992). Menurut Harussani (2010) pula, syura yang sihat memerlukan sikap baik sangka dan menjauhi sifat buruk sangka. Ini kerana perasaan buruk sangka hanya akan menyebabkan kegagalan menggunakan mekanisma syura mencapai kata sepakat yang baik. Juteru, melalui pengurusan dalam pendidikan dakwah, pengkaji melihat syura sebagai kaedah yang sangat tepat untuk dibudayakan bagi membantu menghasilkan peningkatan kualiti pengurusan yang bukan sahaja berupaya memberi impak terhadap kalangan GPI dan persekitarannya, malah juga ke atas murid-muridnya.

Dalam institusi pendidikan, tugas GPI bukan sekadar terhad sebagai pendidik dan penyampai ilmu semata, namun mereka juga memikul tanggungjawab sebagai pendakwah (Ab. Halim Tamuri & Zawawi 2012; Ahmad Kilani Mohamed 2005; Nor Raudah, Norhana & Azrin 2017) melalui pelaksanaan aktiviti berbentuk pendidikan dakwah yang berkualiti di sekolah-sekolah. Bagi menghasilkan produk pendidikan yang berkualiti, matlamat ini hanya mampu dihasilkan melalui kerjasama yang erat dan dilaksanakan di dalam sebuah pasukan yang mantap. Ini kerana setiap individu yang terlibat dalam pasukan akan bertanggungjawab menggunakan kepakaran sedia ada masing-masing bagi memastikan keberhasilan matlamat yang telah disasarkan kepada sekolah dan jugaarganya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Antara ciri pendakwah yang baik adalah mampu mengurus segala aktiviti dakwah yang telah dirancang dengan baik dan berkesan (Fariza Md. Sham 2015). Sebaliknya, dapatan yang diperolehi dari laporan program Bulan Dakwah Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) telah menunjukkan bahawa, penganjuran aktiviti dakwah di sekolah-sekolah didapati seringkali dilaksanakan di saat-saat akhir dan juga bersifat streataip. Situasi ini sedikit sebanyak dikaitkan juga dengan akibat kurangnya sikap kerjasama GPI yang memberi kesan langsung sebagai punca pengurusan organisasi yang agak lemah dalam kalangan GPI itu sendiri.

Kerjasama yang dimaksudkan pula bukanlah sekadar boleh disalurkan dalam bentuk tenaga malah juga boleh disumbangkan dalam pelbagai bentuk seperti harta, masa, (Noor Aziera et al. 2017) dan juga idea yang boleh memberikan kemajuan pemikiran yang boleh memberi sumbangan kepada sejagat (Norafifah 2014). Namun begitu, pernyataan ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Norasmah dan Rofilah (2013), menunjukkan bahawa masih ramai guru yang enggan bekerjasama untuk berinteraksi dalam mesyuarat atau perbincangan yang dijalankan dan seringkali aktiviti yang dihadiri itu bertukar menjadi taklimat. Sementara itu, berdasarkan laporan Program Bulan Dakwah sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), kurangnya kerjasama dalam kalangan guru merupakan antara kelemahan yang telah dikenalpasti dalam usaha menjayakan aktiviti dakwah di sekolah. Begitu juga kajian (Norhannan 2016), berkaitan GPI yang masih mempunyai sikap kebergantungan menjalankan tugas mereka terhadap orang lain. Dapatan ini dilihat seakan bertentangan dengan pernyataan bahawa GPI seharusnya menjadikan dirinya sebagai contoh tauladan melalui tingkah laku dan prsonaliti yang baik (Abdullah Md Din; Asnuurien & Azlin 2013) serta mempunyai keperibadian yang tinggi seperti mana selari dengan pendidikan yang diberi (Razila, Mohd Faiz, Noraizan, Norliza & Mashita 2019). Justeru, kajian ini telah dijalankan bagi mengetahui tahap kerjasama GPI melalui syura dalam pengurusan pendidikan dakwah di sekolah-sekolah rendah. Memandangkan kajian berkaitan syura dalam pengurusan pendidikan masih kurang dilakukan, diharapkan hasil kajian ini berupaya memberi gambaran dan maklumat awal untuk kajian lanjutan yang lebih berfokus dan mendalam.

## **KAJIAN LITERATUR**

Perbezaan fitrah dan keupayan setiap manusia menjadi asbab kepada manusia itu agar bekerjasama dan menolong antara satu sama lain dalam mencapai matlamat pekerjaan mereka (Yusof Ismail 2004). Kerjasama yang dimaksudkan pula bukanlah sekadar boleh disalurkan dalam bentuk tenaga malah juga boleh disumbangkan dalam pelbagai bentuk yang berbeza seperti harta, masa (Noor Aziera et al. 2017), ilmu mahupun idea dari pelbagai bidang yang boleh memberikan kemajuan dalam berfikir serta membawa kepentingan sejagat (Norafifah 2014). Ini selari dengan dapatan kajian oleh Siti Hawa & Haliyana (2011) yang menyatakan terdapat hubungan yang kuat antara konsep kerjasama dengan peningkatan prestasi kerja dalam sesebuah organisasi atau jabatan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati tekanan dan ketidaksefahaman yang wujud dalam sesuatu organisasi dapat diselesaikan dengan baik dengan adanya konsep kerjasama. Ini bukan sahaja mampu meningkatkan kualiti guru sebagai seorang pendidik malah juga berupaya melonjakkan prestasi melalui pencapaian murid di sekolah (Mohd Faiz, Rozaimi & Jamal 2016).

Melalui Syura, setiap ahli diperlukan untuk bekerjasama menyumbang sesuatu dalam bentuk pemikiran. Menurut Abdul Ghafar Don, Berhanundin dan Zulkiple (2007), setiap ahli dianjurkan untuk saling bertukar pandangan dan idea yang secara langsung dapat menghindari sikap mengikut hawa nafsu individu tertentu. Selain itu, perkongsian pemikiran secara kolektif

melalui syura juga dilihat sangat relevan sebagai usaha pencetusan sebarang penambahbaikan di sekolah. Menurut Frost dan Durrant (2003), antara ciri yang perlu ada pada seorang guru untuk meningkatkan sebarang perubahan dan penambahbaikan di sekolah ialah dengan melibatkan diri melalui ruang perbincangan dan berkongsi pandangan secara kolektif. Situasi ini secara tidak langsung dapat memupuk rasa kasih sayang dan mengukuhkan lagi perhubungan silaturrahim dalam kalangan mereka.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa apa jua bentuk penglibatan yang dilakukan secara kerjasama boleh menyebabkan pekerja menjadi lebih komited untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan bersama-sama pihak pentadbiran (Smylie & Denny, 1990). Pernyataan ini di sokong oleh dapatan kajian oleh sarjana-sarjana terkini. Antaranya oleh Norani Mohd Noor & Ruzilayati Rameli (2011), berkaitan elemen kerjasama sebagai faktor yang boleh mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru teknikal sekolah menengah teknik daerah di Johor Bharu. Hasil kajiannya bahawa kebanyakan responden bersetuju dan berpuashati dengan kerjasama oleh guru-guru lain melalui penglibatan dan pengendalian mereka dalam apa jua bentuk aktiviti di sekolah. Amalan kerjasama yang ditunjukkan oleh guru-guru ini telah berjaya membawa kepada berlakunya peningkatan prestasi dan produktiviti yang berkaitan aktiviti di sekolah.

Seterusnya kajian oleh Mohamad Fuad, Halim Tamuri, Suhana, Sapie Sabilan, Zetty Norzuliana dan Suziana Hanini (2015) berkaitan hubungan baik rakan sekerja guru KAFA di Selangor dalam konteks kerjasama, hasil kajian telah menunjukkan bahawa sikap saling bekerjasama dan suka membantu dalam kalangan guru KAFA telah berupaya membawa kepada suasana kerja yang harmoni dan dapat mengurangkan rasa bebanan kerja dalam kalangan mereka. Dalam kajian yang lain pula, dimensi kerjasama juga pernah dibincangkan sebagai faktor iklim dalam kalangan guru-guru yang dilihat mampu memberi pengaruh kepada komitmen kerja. Hasil kajian ini berdasarkan dapatan Suhaili dan Khaliza (2016) yang menunjukkan bahawa dimensi kerjasama merupakan pemboleh ubah yang memberi pengaruh yang tinggi terhadap komitmen kerja guru di sekolah-sekolah menengah daerah Machang dengan nilai  $p$  dan beta masing-masing adalah ( $\beta = .242$ ,  $t = 3.873$ ).

Sementara itu, terdapat kajian oleh sarjana terdahulu yang telah membincangkan tentang kerjasama melalui amalan syura dalam pengurusan secara umum. Antaranya Ahmad Johdi dan Abdulmajid (2014), yang menganalisis amalan syura dalam membuat keputusan. Kajian tersebut mendapati majoriti kalangan staf pentadbiran di UIAM telah bekerjasama mengambil bahagian ketika menghasilkan keputusan melalui syura. Amalan ini juga secara langsung mempunyai hubungan terhadap peningkatan produktiviti, ketelusan, akauntabiliti serta mewujudkan tadbir urus yang baik dalam organisasi. Kajian seterusnya oleh Suhana dan Marzuki (2017) terhadap guru-guru sekolah menengah agama di daerah Johor Bharu telah mendapati bahawa elemen kerjasama yang terhasil dari amalan syura memperoleh nilai skor min yang tinggi iaitu sebanyak 4.31 ( $SP = 0.578$ ). Dapatan ini jelas membuktikan bahawa amalan bekerjasama dalam kalangan guru agama sememangnya dapat mewujudkan kesepaduan dan pemuafakatan yang mapan dalam organisasi mereka.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap amalan kerjasama GPI melalui Syura dalam proses pengurusan aktiviti dakwah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen dalam proses pengumpulan data. Pengkaji telah menggunakan instrumen yang telah dibina berdasarkan kajian literatur serta adaptasi teori dan model tertentu berkaitan syura oleh sarjana terdahulu. Sebanyak 6 item telah dibina dan kesemua item tersebut telah melalui prosedur kesahan dan kebolehpercayaan instrumen telah yang telah ditetapkan. Seramai 8 panel pakar dalam bidang kajian telah terlibat sebagai penilai kesahan kandungan instrumen. Manakala 2 orang pakar bahasa pula telah dilantik sebagai penilai untuk kesahan muka.

Seterusnya, bagi mengukur kesahan kandungan instrumen, pengkaji telah menggunakan kaedah Content Validity Ratio (CVR) oleh Lawshe (1975). Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan bahawa hanya item yang memperoleh nilai Content Validation Index (CVI) melebihi 0.8 sahaja bagi 8 orang panel pakar (N=8) yang dipertimbangkan supaya kekal dan seterusnya boleh dijadikan sebagai instrumen soal selidik. Bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen pula, nilai alpha cronbach telah digunakan secara terperinci dan hasil analisis mendapati nilai kebolehpercayaan bagi komponen kerjasama adalah tinggi iaitu ialah 0.896 seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: *Nilai pekali kebolehpercayaan instrumen komponen kerjasama*

<b>Pemboleh ubah (Kerjasama)</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Item 1	.889
Item 2	.878
Item 3	.882
Item 4	.868
Item 5	.879
Item 6	.873
<b>Total</b>	<b>.896</b>

Skala Likert 5 tahap telah digunakan dalam soal selidik ini iaitu (1) Tidak setuju, (2) Kurang setuju, (3) Agak setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat setuju. Seramai 450 sampel terlibat dalam kajian ini. Bilangan ini mencukupi untuk tujuan generalisasi terhadap populasi kajian. (Krejevie & Morgan, 1970). Teknik persampelan rawak bertujuan telah digunakan dalam aktiviti pengedaran soal selidik. Data yang telah diperolehi telah dinilai secara deskriptif berdasarkan lima tahap interpretasi seperti mana yang telah digariskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) menerusi jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2: *Interpretasi jawapan responden*

<b>Nilai Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00-1.89	Sangat Rendah
1.90-2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006)

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis dan dihuraikan mengikut persoalan dan hipotesis kajian yang dibincangkan.

### Profil demografi kajian

Jadual2: *Profil Demografi Kajian*

Kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	135	30
	Perempuan	315	70
Lokasi Sekolah	Bandar	212	47.1
	Luar Bandar	238	52.9
Pengalaman Mengajar	1-10 tahun	130	28.9
	11-20 tahun	242	53.8
Kelayakan Akademik Tertinggi	21-30 tahun	78	17.3
	Sijil Perguruan	13	2.9
	Diploma Pendidikan	17	3.8
	Sarjana Muda	382	84.9
	Sarjana	36	8.0
	PhD	2	0.4

Berdasarkan jadual 4.1, jantina GPI lelaki mewakili sejumlah 135 orang (30%) sebagai responden manakala jantina GPI perempuan sebanyak 315 orang (70%). Manakala penglibatan lokasi responden pula, GPI luar Bandar lebih ramai iaitu berjumlah 238 orang (52.9%) berbanding kawasan Bandar iaitu berjumlah 212 orang (47.1%). Merujuk kepada kelayakan akademik tertinggi responden pula, mencatatkan seramai 13 orang (2.9%) GPI memiliki Sijil Perguruan, manakala seramai 17 orang (3.8%) GPI berkelulusan diploma Pendidikan. Pemegang Sarjana Muda mempunyai bilangan yang paling tinggi iaitu 382 orang (84.9%) GPI, manakala diperingkat sarjana pula seramai 36 orang (8.0%) GPI dan hanya 2 orang (0.4%) yang memiliki kelulusan pengajian diperingkat PhD. Jika diperhatikan dari sudut tempoh pengalaman mengajar pula, seramai 130 orang (28.9%) GPI berpengalaman 1 hingga 10 tahun, seramai 242 orang (53.8%) GPI berpengalaman 11 hingga 20 tahun dan seramai 78 orang (17.3%) GPI berpengalaman selama 20 hingga 30 tahun.

### Mengenal pasti Tahap Amalan Kerjasama GPI melalui Syura

Jadual 3 menunjukkan secara terperinci berdasarkan jumlah keseluruhan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai.

Jadual 3: *Tahap amalan kerjasama GPI melalui Syura*

No Item	Item	Peratusan (Kekerapan) N=450					Min dan Sisihan Piawai	
		STS	TS	KS	S	ST	Min	S.P
1	Berkaitan pelaksanaan syura dalam kalangan rakan GPI, saya menolong rakan sejawat melakukan tugas secara sukarela	0.2		2.9	52.9	44.0	4.40	0.559
2	memberi peluang yang sama antara rakan sejawat dalam memutuskan sesuatu perkara	0.2		2.0	56.9	40.9	4.38	0.550

3	bersedia menyumbang sebarang bentuk idea	0.4		2.7	59.8	37.1	4.33	0.551
4	berkongsi pengalaman sedia ada untuk manfaat bersama	0.2		1.6	52.0	46.0	4.44	0.552
5	berpandangan positif terhadap idea orang lain	0.2		1.1	54.7	44.0	4.24	0.529
6	memanfaatkan kepakaran yang dikongsikan oleh rakan sejawat	0.2		2.4	55.1	42.2	4.39	0.560
	<b>Total</b>						<b>4.39</b>	<b>0.396</b>

Jadual menunjukkan tahap amalan kerjasama GPI melalui Syura dalam proses pengurusan aktiviti dakwah di sekolah-sekolah rendah. Analisis kajian mendapati majoriti item yang disenaraikan mempunyai nilai min yang sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap amalan kerjasama GPI melalui syura dalam proses pengurusan aktiviti dakwah di sekolah-sekolah rendah adalah sangat tinggi dengan jumlah keseluruhan min (4.39) dengan nilai sisihan piawai (0.396).

## PERBINCANGAN

Jika dianalisis secara terperinci, 3 min tertinggi yang menunjukkan amalan GPI ialah sentiasa bekerjasama dalam berkongsi pengalaman sedia ada untuk manfaat bersama dan sedia menolong rakan sejawat melakukan tugas secara sukarela. Amalan ini sesuai dengan anjuran kerjasama itu sendiri yang perlu diterjemahkan melalui pelaksanaan tugas secara berganding bahu, bersama memikul tanggungjawab dan berkongsi maklumat berdasarkan ruang lingkup tugas dan kuasa yang telah diberikan (Alauddin Sidal 2003). Analisis dapatan ini juga menunjukkan bahawa GPI berupaya mewujudkan kerjasama dengan individu-individu lain dengan baik.

Selain itu, amalan GPI memanfaatkan kepakaran yang telah dikongsikan oleh rakan sejawat berkaitan sesuatu perkara secara bekerjasama juga harus dipuji dan dicontohi. Ini kerana dengan adanya gabungan dan perkongsian yang terdiri dari pelbagai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dan latar belakang GPI secara bersepadu akan berupaya menghasilkan output kerja yang lebih berkualiti berbanding tugas secara individu. Pernyataan ini selari dengan dapatan kajian Norasmah & Rofilah (2013) menunjukkan bahawa pengalaman guru yang kesediaan dalam perkongsian tanggungjawab lebih tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman. Atas pertimbangan inilah pastinya dalam kalangan GPI sendiri juga mempunyai banyak perkara yang menarik dan terbaik boleh dikongsikan.

Sementara itu, kesediaan GPI bekerjasama untuk menyumbang sebarang bentuk idea dan sentiasa memberikan reaksi positif terhadap cadangan atau pandangan orang lain merupakan tindakan yang wajar dan bertepatan dengan tuntutan Islam. Menurut Ahmad Redzuan (2004), melalui syura, setiap individu diberi peluang secara bebas untuk memberi pendapat dan bantahan serta menjawab secara persoalan yang dikemukakan dan harus dikendalikan dengan cara yang baik. Situasi ini amat wajar dicontohi kerana hanya melalui kerjasama dan sokongan yang baik dalam kalangan guru merupakan mampu meralisasikan sesuatu misi dan visi sekolah seterusnya berjaya mencapai prestasi sekolah yang hebat (Mangarapen, Zainuddin & Martua 2018).

Tahap kerjasama yang tinggi dalam kalangan GPI juga dilihat boleh mempengaruhi prestasi kerja mereka berpasukan. Pernyataan ini diakui sendiri oleh kajian-kajian terdahulu yang telah membuktikan bahawa penglibatan secara kerjasama menyebabkan pekerja akan menjadi

lebih komited untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan bersama-sama pihak pentadbiran (Smylie & Denny, 1990). Pernyataan ini juga di sokong oleh dapatan kajian oleh sarjana-sarjana terkini. Antaranya oleh Norani Mohd Noor & Ruzilayati Rameli (2011), berkaitan elemen kerjasama sebagai faktor yang boleh mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru teknikal sekolah menengah teknik daerah di Johor Bharu. Hasil kajiannya bahawa kebanyakan responden bersetuju dan berpuashati dengan kerjasama oleh guru-guru lain melalui penglibatan mereka dalam apa jua bentuk pengurusan dan pengendalian aktiviti di sekolah.

Selain itu, dapatan kajian ini juga amat menekankan amalan kerjasama GPI menerusi syura kerana peranannya yang bukan sahaja sekadar membantu mereka memudahkan pengurusan aktiviti dakwah di sekolah, malah sebarang permasalahan lain yang timbul juga mampu diselesaikan dengan baik dan harmoni. Dalam konteks pengurusan pendidikan, tahap amalan kerjasama yang ditunjukkan oleh GPI menerusi kajian ini boleh membawa kepada peningkatan prestasi dan produktiviti mereka di sekolah. Bagi pengkaji, amalan kerjasama melalui syura ini perlu dibudayakan agar setiap ahli bersama-sama merasakan keterlibatan mereka dalam setiap perkara yang disurukan. Hal ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk menggalakkan GPI sentiasa peka dan mengambil berat tentang semua perkembangan yang berlaku di persekitaran mereka terutamanya berkaitan pengurusan dakwah di sekolah. Seperti mana dijelaskan oleh Ahmad Zamri et al., (2010), setiap nilai-nilai murni yang dimiliki dan diamalkan oleh seorang guru itu mampu mempengaruhi dan menjadi ikutan rakan mereka yang lain.

Dalam konteks kajian ini, walaupun GPI memiliki latar belakang yang berbeza, namun amalan kerjasama yang ditunjukkan oleh mereka menerusi syura tetap diraikan melalui pelbagai perkongsian pandangan, pengetahuan, kemahiran dan juga pedagogi dengan jiwa dan hati terbuka. Penglibatan secara kolektif seperti ini bukan sahaja berupaya menghindari sebarang konflik, malah menjamin kelangsungan kepada pengurusan aktiviti dakwah yang lebih dinamik dan mapan. Justeru GPI sebagai pengurus pendidikan di sekolah perlulah menjadi agen perubahan untuk membudayakan sikap kerjasama melalui syura ini sebagai medium utama menggerakkan pengurusan aktiviti dakwah di sekolah agar diteladani oleh bidang-bidang pengurusan aktiviti yang lain. Selain itu, amalan kerjasama dalam kalangan guru bukan sahaja akan mewujudkan keseronokan, keyakinan dan kepuasan dalam bekerja bahkan berupaya memberikan komitmen terbaik dalam setiap tugas yang telah diberikan (Ahmad Zabidi 2006).

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberi implikasi kepada semua Guru Pendidikan Islam (GPI) agar sentiasa bekerjasama melalui pelaksanaan syura dalam usaha menyelesaikan segala konflik yang berlaku dalam pengurusan di sekolah-sekolah. Dalam konteks pengurusan aktiviti dakwah di sekolah misalnya, GPI seharusnya memberikan komitmen yang tinggi dalam urusan pendidikan melalui sikap kerjasama. Menurut al-Qardawi (1999), ruang dan peluang untuk setiap guru bekerjasama dalam mengemukakan sebarang idea dan pandangan dalam urusan pentadbiran sekolah adalah suatu perkara yang dilihat penting dalam menghasilkan kesepakatan dalam sesuatu perkara. Justeru, penglibatan setiap guru adalah perlu untuk memperolehi kesepakatan ini.

Selain itu, dapatan kajian ini amat memberi penekanan bahawa kerjasama dalam syura adalah dilihat penting kerana peranannya yang bukan sahaja sekadar membantu memudahkan pengurusan aktiviti dakwah di sekolah, malah sebarang permasalahan lain yang timbul juga mampu diselesaikan dengan baik secara harmoni. Selain itu, amalan kerjasama ini secara langsung bukan sahaja dapat memudahkan urusan kerja dan meningkatkan potensi (Ooi Chew Hong &



Aziah 2015), malah mampu menghasilkan mutu kerja organisasi yang bersepadu dan mapan dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan serta mengukuhkan lagi ukhwah dalam hubungan sesama mereka (Ahmad Kilani 2003; Wan Liz Ozman 1996).

## KESIMPULAN

Mempraktikan amalan kerjasama melalui syura dapat menghasilkan pengurusan aktiviti dakwah ke arah yang lebih baik. Dalam erti kata lain, tugas dakwah itu perlu dilakukan secara bersama dalam satu gerakan yang kukuh melalui perancangan yang rapi dan tersusun (Mohamad Nazli 2016; Wan Hussain 1984). Justeru, amalan kerjasama harus dipupuk dalam kalangan GPI agar budaya campur tangan secara positif ini bukan sahaja dapat memupuk persekitaran positif bahkan dapat menghindari dari berlakunya sebarang konflik yang negatif. Selain itu, syura sentiasa dibudayakan dalam kalangan GPI, setiap ruang lingkup dan dimensi pengurusan mampu direncana dengan baik dan berkesan. Dalam konteks ini, syura merupakan kaedah yang sangat tepat untuk dibudayakan oleh organisasi pendidikan dalam membantu menghasilkan peningkatan kualiti pengurusan yang bukan sahaja berupaya memberi impak terhadap kalangan guru dan persekitarannya, malah ke atas murid-muridnya. Justeru, tugas pengurusan pendidikan dakwah di sekolah bukanlah merupakan tugas berbentuk individu bahkan dilihat perlu dilaksana melalui organisasi secara bersepadu, terarah dan kerjasama bagi menghasilkan aktiviti dakwah yang berkesan supaya menjadi contoh kepada bidang-bidang pengurusan aktiviti yang lain.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zawawi Ismail. 2012. *Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Kebangsaan: Peranan Guru*. Persidangan Meja Bulat "Penyediaan Guru Cemerlang". Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia, 6 September.
- Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. 2007. *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia. Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Md. Din. 2011. *Pendidikan Islam Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dinasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Ahmad al-Raisuni. (Terjemahan) Rosli Mokhtar. 2017. *Syura & Demokrasi dari Perspektif Maqasid al-Shari'ah*. Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2003. *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2004. *Tasawwur Kepimpinan Islam*. Jurnal 'Ulum Islamiyyah. Vol 3(1): 3-34.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. 2006. *Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran*. Jurnal Pendidikan 31: 3-19.
- Ahmad Zamri, Khairani, Nordin, Ab. Razak, dan Mohammad Zohir, Ahmad@Shaari. 2010. *Tugas dan Tanggungjawab Guru Pembimbing dari Perspektif Guru Pelatih*. Malaysian Education Dean's Council Journal, 10.
- Alauddin Sidal. 2003. *Kerja Berpasukan: Strategi ke arah keberkesanannya*. Jurnal Pengurusan Awam. 2 (1), 68-83
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. 2013. *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid*. Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character. Hotel Equatorial Bangi, Selangor.
- Fariza Md. Sham. 2015. *Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja*. Jurnal Hikmah, 7 (1), 95-101.

- Frost, D. & Durrant J. 2003. *Teacher-Led Development Work: Guidance and Support*. David Fulton Publishers.
- Gist, M. E., & Mitchell, T. R. 1992. *Self-efficacy: A theoretical analysis of its determinants and malleability*. *The Academy of Management Review*, 17(2), 183-211.
- Hamka. 2017. *Tafsir al-Azhar. Juzuk 6*. Batu Caves, selagor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2011. *Pendidikan Islam: Cabaran Alaf Baru. Seminar Pendidikan Islam al-Madrasah*. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement* 30 (3): 607-610.
- Lawshe, C.H. 1975. *A Quantitative Approach to Content Validity*. *Personnal Psychology*. 28 (4):563-575.
- Mangarapen Hasibua Zainuddin & Martua Manullang. (2018). *Formulation of A Full Day School Management Model in Improving. The Effectiveness of the Implementation in Madrasah Aliyah Negeri 2 Model Padang Sidempuan*. *International Journal of Scientific Research in Science, Engineering and Technology*, 4(4), 902-911
- Maziahtusima Ishak, Norhasni Zainal Abiddin & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2017. *Eksplorasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat Dari Perspektif Pendidikan Pengembangan*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 2(6), 214-230.
- Mohamad Fuad Haji Ishak, Ab. Halim Tamuri, Suhana Mohamed Lip, Sapie Bin Sabilan, Zetty Norzuliana Rashed & Suziana Hanini Sulaiman. 2015. *Tahap Kepuasan Bekerja Dari Aspek Hubungan Rakan Sekerja Dalam Kalangan Guru-Guru Kafa Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 2(1), 62-78.
- Mohamad Johdi Salleh & Abdulmajid Mohamed Abdulwahab Al-Daba. 2014. *An Analysis of Administrative Staff's Participatory Decision Making through Syura at International Islamic Tertiary Institution*. *Internationa Journal of Humanities Social Science and Education*. 1 (9):33-39
- Mohamad Nazli Omar. 2016. *Teori dan Konsep Pengurusan Dakwah*. *Jurnal Ilmi. Kolej Universiti Islam Malaysia*. Jilid 6: 149-168.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob, Muhamad Rozaimi Ramle & Jamal @Nordin Yunus. 2016. *Konsep Kolaborasi dalam Komuniti Pembelajaran Profesional: Satu tinjauan dalam perspektif Islam*. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12 Issue 10: 1-9
- Muhammad A. Al-Buraey. 1985. *Administrative Developmet: An Islamic Perspective*. London: Kagen Paul International Limited.
- Muhammad Mustakim Mohamed Noh, Siti Arni Basir, Lukhman Taib, Musaiyadah Ahmadun & Wan Norhasniah Haji Wan Husin. 2015. *Kajian Kes Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan kepada Perlaksanaan dan Faedahnya*. *Jurnal Pengurusan*, 45, 105 - 118
- Muhammad Tahir Azhari. 1992. *Negara Hukum. Suatu Studi tentang Prinsip Prinsipnya dilihat dari Segi Hukum Islam, Implementasinya pada Periode Negara Madinah dan Masa Kini*, Bulan Bintang, Jakarta.
- Noor Aziera Mohammad Rohana, Mohd Faizal P. Rameli, Rawi Nordin & Siti Nurul Izza Hashim. 2017. *Kepelbagaian dan Kesepaduan Etnik di Malaysia Menurut Islam*. *Jurnal Sains Insani*. Vol 2(2): 88-97.
- Norafifah A.H. 2014. *Prinsip Islam dan Nilai-nilai kemanusiaan in Mohd Faizal P. Rameli. Islam dan Hubungan Etnik: Sorotan Sejarah & Isu Kontemporari Di Malaysia*, Melaka. Academy Of Contemporary Islamic Stdudies, UITM Melaka: 245-268.

- Norani Mohd Noor & Ruzilayati Rameli 2011. *Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru teknikal sekolah menengah teknik daerah Johor Bahru*. Journal of Science & Mathematics Education, 1-9.
- Norasmah Othman & Rofilah Md. Said. 2013. *Tahap Kesedian Guru Sekolah Menengah Harian Mengamalkan Kepimpinan Tersebar*. Jurnal Teknologi. 64(1):93-100
- Norhannan Ramli. 2016. *Prestasi guru Pendidikan Islam berasaskan daya kekuatan dalaman, kepimpinan pengetua dan iklim sekolah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Nor Raudah Hj. Siren, Norhana Mohamed Salleh & Azrin Ab Majid. 2017. *Guru sebagai pendakwah. Dlm. Nor Raudah Hj. Siren (pnyt). Vaksinasi Ummah Menerusi Jalan Dakwah*, hlmn 1-21. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Nurazmallail Marni, Ahmad Kilani Mohamed, Normala binti Hashim, Ruzana Abu Nasir. 2004. *Amalan Bekerjasama Dalam Komuniti Setempat: Kepentingannya Menurut Perspektif Islam*. Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Universiti Utara Malaysia.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. 2019. *Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan*. Journal of Management and Operation Research. 1(4):1-23
- Siti Hawa Radin Eksan & Haliyana Tonot. 2011. *The Concept of Syura, Ta'awun and Nasihah as Strategic Implementation in Managing Conflict in KUIS*. International Management Conference (IMAC). UNISZA, Terengganu.
- Smylie, M. A., & Denny, J. W. 1990. *Teacher leadership: Tensions and ambiguities inorganizational perspective*. Educational Administration Quarterly, 26(3), 235-259.
- Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin. 2016. *Tahap Iklim Sekolah, Tahap Komitmen Guru Serta Hubungan Di Antara Iklim Sekolah Dengan Komitmen Guru Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Machang, Kelantan*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research. Universiti Utara Malaysia, Malaysia. 635-646
- Suhana Abd Hamid & Ahmad Marzuki Mohamad. 2017. *Amalan Syura Dalam Kalangan Kepimpinan Berasaskan Konsep Amanah*. Attarbawiy: Malaysian Journal of Education. Vol 1(2): 93-101
- Wan Hussain Azmi. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam Abad ke 21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Yusof Ismail. 2004. *Mengurus Secara Islam: Model dan prinsip-prinsip pengurusan Islam bagi individu dan organisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit A.S NOORDEEN.
- Laporan Program Bulan Dakwah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 201. Bahagian Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Program Bulan Dakwah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018. Bahagian Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia.